

24/07/1998

Albania perlu sokongan lebih padu

KOTA BHARU, Khamis - Kerajaan Kosovo di Albania memerlukan sokongan diplomatik, politik dan kewangan yang lebih menyeluruh serta padu daripada negara Islam bagi membantu memulihkan keadaan yang kian meruncing di negara rantau Balkan itu.

Wakil kepada pemerintah Kosovo, Dr Ramiz Sekaj, berkata setakat ini sokongan itu berada di tahap sederhana dan negara Islam termasuk Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) perlu menunjukkan komitmen lebih tinggi bagi membantu umat Islam Kosovo.

Menurutnya, setakat ini hanya Malaysia di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menunjukkan keprihatinan bagi membantu menangani masalah di negara itu.

"Dalam usaha untuk menjadi sebuah negara merdeka dan berdaulat, kami memerlukan rakan untuk membantu dalam bidang diplomatik, politik dan kewangan.

"Setakat ini, kami tiada masalah dengan Amerika Syarikat dan kebanyakan negara Eropah, semua faham masalah yang dihadapi dengan rejim Serb yang ganas dan melakukan pembunuhan etnik," katanya pada pertemuan dengan Berita Harian di sini, hari ini.

Dr Ramiz berada di sini untuk menghadiri seminar antarabangsa Kashmir dan Palestin, anjuran Lajnah Antarabangsa Pas Pusat dengan kerjasama Pas Kelantan.

(END)